

**KEMENTERIAN INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI DAN
PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK**
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK
PENGURUSAN PROGRAM PENGHAPUSAN DAN KAWALAN RABIES

LATAR BELAKANG

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan Pelan Tindakan Program Kawalan dan Penghapusan Rabies 2020 dan 2021 (Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021) pada 18 Jun 2020 bagi membendung wabak rabies di negeri Sarawak. Strategi yang dirangka bagi melindungi rakyat negeri Sarawak daripada penyakit rabies merangkumi kawalan terhadap haiwan anjing dari aspek populasi, pergerakan, pelesenan dan vaksinasi serta program kesedaran masyarakat.

OBJEKTIF

Bagi
membendung
wabak rabies di
negeri Sarawak

STRATEGI PELAKSANAAN

- Penubuhan IBET
- Melaksanakan program kesedaran
- Penghapusan dan penyingkiran anjing terbiar
- Pendaftaran dan identifikasi anjing
- Pemvaksinan anjing
- Pengurusan data rabies


AGENSI TERLIBAT

- Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD)
- Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG)
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS)
- Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS)
- Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS)
- Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS)

PERUNTUKAN & PERBELANJAAN

Peruntukan : **RM27.70 juta**

Belanja: RM25.17 juta (90.9%)
sehingga 31 Disember 2023



PENGAUDITAN

Objektif Pengauditan

Untuk menilai sama ada pengurusan program PDKR iaitu membendung penularan wabak rabies di negeri Sarawak telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan.

Skop dan Metodologi Pengauditan

2019 hingga 2023

- Sebahagian data dari tahun 2017 dan 2018

Prestasi Pencapaian Program

Kemajuan Program dan Pencapaian Objektif Program

Pengurusan Program

Prestasi Kewangan, Pengurusan Penyingkiran dan Pelupusan Anjing Terbiar, Pengurusan Vaksin Anti-Rabies, Ubat Pelali dan Ubat Euthanasia serta Pengurusan Data Rabies



PENEMUAN AUDIT

Rumusan

Secara keseluruhan, sasaran Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021 bagi Program Penghapusan dan Kawalan Rabies (PDKR) tidak dapat diukur terutamanya bagi program rabies haiwan khususnya anjing kerana sasaran bebas rabies haiwan dalam tempoh lima tahun hanya selesai pada tahun 2025. Bagaimanapun, kes rabies manusia masih berlaku trend peningkatan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Selain itu, sasaran bagi mengekalkan 70% vaksinasi anjing setiap tahun adalah tidak tercapai. Ini adalah kerana masih terdapat kelemahan dalam aspek perancangan dan pelaksanaan program.

Penemuan Utama

Kemajuan Program

Kawalan Populasi Anjing

205,000

Anggaran
Populasi Anjing
Bertuan (ekor)

- Anggaran populasi anjing adalah 205,000 ekor bertuan dan 70,999 ekor terbiar.
- Hanya 15,793 (7.7%) ekor anjing dilesen oleh 26 PBT bagi tahun 2019 – 2023 daripada anggaran populasi 205,000 ekor anjing bertuan.

15,793

Anjing
Dilesenkan
di negeri
Sarawak

Kawalan Pergerakan Anjing

32

Pasukan
IBET
Ditubuhkan
Di Bawah
UKPS

- Sasaran penubuhan IBET di bawah UKPS adalah tercapai sepenuhnya.
- 61,539 (22.3%) anjing disingkirkan daripada populasi 275,799 ekor masih rendah.

26
PBT

Aktiviti Vaksinasi Anti-Rabies Terhadap Anjing

70%

Sasaran
Vaksinasi
Anti-Rabies
Tidak
Tercapai

- Hanya 116,762 (42.3%) daripada 275,799 ekor anjing telah divaksin.
- Hanya 4,764 (1.7%) hingga 40,054 (14.5%) ekor anjing divaksin anti-rabies setiap tahun bagi tempoh yang sama.

2

Agensi
pelaksana, iaitu
JPVS dan UKPS

Pencapaian Objektif

Bilangan Kawasan Wabak Rabies

- Dari tahun 2017 hingga Ogos 2023, sebanyak 73 kawasan diisytihar sebagai kawasan wabak rabies.
- Sebanyak 559 (22.5%) sampel positif daripada 2,487 sampel spesimen bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023 di negeri Sarawak.

Kes Rabies Manusia

- Sebanyak 52,555 kes gigitan anjing di negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2017 hingga 2023.
- 68 (90.7%) kematian daripada 75 kes rabies manusia sejak penularan penyakit wabak rabies pada tahun 2017 sehingga Disember 2023.
- Sasaran tiada rabies manusia dalam tempoh dua tahun tidak tercapai kerana kematian akibat kes rabies manusia masih berlaku selepas tempoh dua tahun yang ditetapkan dalam Pelan.

Pengurusan Program

Prestasi Kewangan

- Daripada RM27.70 juta peruntukan program, sebanyak RM25.17 juta (90.9%) telah dibelanjakan.

Pengurusan Penyingkiran Dan Pelupusan Anjing Terbiar

- Tiada kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan untuk menjadikan tapak pelupusan sampah sebagai tempat penanaman bangkai anjing.
- Tanah yang ditimbus semula hanya diratakan dan tidak membukit seperti yang ditetapkan dalam prosedur.
- Kenderaan Double Cabin Pick-up (Body Type Luton Box) yang digunakan oleh MPS tidak mengikut spesifikasi iaitu tidak dilengkapi sangkar.

Pengurusan Vaksin Anti-Rabies, Ubat Pelali dan Ubat Euthanasia

- Tiga botol vaksin anti-rabies luput tempoh masih belum dilupuskan.
- 30 botol ubat pelali pelbagai jenis dan 64 botol ubat euthanasia jenis Dorminal yang luput tempoh telah diagihkan oleh SVDL.
- Dua botol ubat pelali Zoetil-100 dan empat botol ubat euthanasia luput tempoh di Markas UKPS Tanjung Manis.

Pengurusan Data Rabies

- Aplikasi Rabies masih dalam percubaan dan data masih disimpan oleh agensi pelaksana secara manual.

Syor Audit

1

JPVS, MPH LG dan UKPS perlu memastikan aktiviti pelesenan, vaksinasi serta penyingkiran dilaksanakan sepenuhnya dan menetapkan sasaran bagi aktiviti tersebut

2

JPVS, MPH LG dan UKPS hendaklah menyelaraskan Prosedur Operasi Standard bagi Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar supaya dipatuhi sepenuhnya

3

JPVS perlu mematuhi Tatacara Pengurusan Stor Negeri Sarawak dengan menyenggara stok ubat-ubatan yang mempunyai tarikh luput

4

JPVS bersama agensi pelaksana perlu mempercepatkan tindakan untuk menyediakan sistem pengurusan data dalam talian yang membolehkan semua agensi terlibat mengakses pangkalan data serta memuat naik data, berkongsi dan menganalisis maklumat untuk perancangan operasi, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program.

KEMENTERIAN INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI DAN PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

1. PENGURUSAN PROGRAM PENGHAPUSAN DAN KAWALAN RABIES

ABSTRAK

Mulai 4 Julai 2017, pengisytiharan kawasan yang dijangkiti rabies di negeri Sarawak telah dibuat di bawah Seksyen 37(1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar selepas kes positif rabies manusia pertama dikesan pada 30 Jun 2017 di Bahagian Serian. Pada tahun 2019, Majlis Keselamatan Negara melalui Arahan No. 20 telah mengisytiharkan wabak rabies di negeri Sarawak sebagai Bencana Tahap II. Sehingga 15 Ogos 2023, sebanyak 73 kawasan di seluruh negeri Sarawak telah diisytiharkan sebagai kawasan yang dijangkiti wabak rabies. Berdasarkan Ordinan Kesihatan Awam Veterinar, 1999 (Seksyen 3, Bahagian II), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) bertanggungjawab ke atas pentadbiran, penguatkuasaan dan membangunkan rancangan serta program pencegahan wabak penyakit daripada haiwan khususnya rabies. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan Pelan Tindakan Program Kawalan dan Penghapusan Rabies 2020 dan 2021 (Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021) pada 18 Jun 2020. Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021 mensasarkan negeri Sarawak bebas rabies menjelang tahun 2025 iaitu tiada rabies manusia dalam tempoh dua tahun dan tiada rabies haiwan khususnya anjing dalam tempoh lima tahun serta mengekalkan vaksinasi sebanyak 70% ke atas populasi anjing di negeri Sarawak.

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Penghapusan dan Kawalan Rabies (PDKR) untuk membendung penularan wabak rabies di negeri Sarawak telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan. Secara am, pengauditan tertumpu kepada prestasi pencapaian program dan pengurusan program.

Secara keseluruhan, sasaran Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021 bagi Program Penghapusan dan Kawalan Rabies Negeri Sarawak (PDKR) tidak dapat diukur terutamanya bagi program rabies haiwan khususnya anjing kerana sasaran bebas rabies haiwan dalam tempoh lima tahun hanya selesai pada tahun 2025. Bagaimanapun, kes rabies manusia masih berlaku trend peningkatan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Selain itu, sasaran bagi mengekalkan 70% vaksinasi anjing setiap tahun adalah tidak tercapai. Ini adalah kerana masih terdapat kelemahan dalam aspek perancangan dan pelaksanaan program.

1. LATAR BELAKANG

1.1. Rabies merupakan sejenis penyakit zoonotik yang disebabkan oleh jangkitan virus dari Genus *Lyssavirus* yang boleh menjangkiti semua jenis mamalia. Simptom klinikal yang kerap dikesan melibatkan perubahan kelakuan, gejala kerosakan saraf, lumpuh dan lazimnya berakhir dengan kematian. Rabies berjangkit melalui luka gigitan, luka terbuka pada kulit atau melalui permukaan mukosa dari air liur, cairan atau tisu tubuh yang dijangkiti. Tempoh inkubasi boleh sehingga enam bulan dan tempoh jangkitan dalam haiwan domestik karnivor seawal 15 hari sebelum simptom awal muncul dan berakhir apabila haiwan atau manusia yang dijangkiti itu mati. Haiwan pembawa wabak rabies adalah seperti kucing dan anjing yang bergerak bebas melangkaui kawasan

pemilik serta mana-mana binatang yang di bawah kawalan antaranya kucing, anjing, lembu, kambing, kerbau, kuda dan unggas seperti dinyatakan dalam Protokol Veterinar Malaysia.

1.2. Mulai 4 Julai 2017, pengisytiharan kawasan yang dijangkiti rabies di negeri Sarawak telah dibuat di bawah Seksyen 37(1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar selepas kes positif rabies manusia pertama dikesan pada 30 Jun 2017 di Bahagian Serian. Pada tahun 2019, Majlis Keselamatan Negara melalui Arahan No. 20 telah mengisytiharkan wabak rabies di negeri Sarawak sebagai Bencana Tahap II. Sehingga 15 Ogos 2023, sebanyak 73 kawasan di seluruh negeri Sarawak telah diisytiharkan sebagai kawasan yang dijangkiti wabak rabies seperti dalam **Jadual 1**.


JADUAL 1
BAHAGIAN DAN JUMLAH KAWASAN YANG
DIISYTIHAR WABAK RABIES BAGI TEMP OH TAHUN 2017 HINGGA 2023

BIL.	BAHAGIAN	JUMLAH KAWASAN
1.	Serian	22
2.	Miri	9
3.	Kuching	7
4.	Sri Aman	6
5.	Mukah	6
6.	Sarikei	5
7.	Bintulu	5
8.	Samarahan	4
9.	Betong	3
10.	Sibu	3
11.	Limbang	2
12.	Kapit	1
JUMLAH		73

Sumber: Senarai Kawasan Yang Dijangkiti Rabies, Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak

1.3. Berdasarkan Ordinan Kesihatan Awam Veterinar, 1999 (Seksyen 3, Bahagian II), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) bertanggungjawab ke atas pentadbiran, penguatkuasaan dan membangunkan rancangan serta program pencegahan wabak penyakit daripada haiwan khususnya rabies. Sehubungan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan Pelan Tindakan Program Kawalan dan Penghapusan Rabies 2020 dan 2021 (Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021) pada 18 Jun 2020. Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021 mensasarkan negeri Sarawak bebas rabies menjelang tahun 2025 iaitu tiada rabies manusia dalam tempoh dua tahun dan tiada rabies haiwan khususnya anjing dalam tempoh lima tahun serta mengekalkan vaksinasi sebanyak 70% ke atas populasi anjing di negeri Sarawak.

1.4. Strategi yang dirancang bagi melindungi rakyat negeri Sarawak daripada penyakit rabies merangkumi kawalan terhadap haiwan anjing dari aspek pergerakan, populasi, pelesenan dan vaksinasi. Selain itu, program kesedaran masyarakat turut dirancang bagi meningkatkan kerjasama dalam usaha membendung penularan wabak rabies. Maklumat utama program adalah seperti dalam **Rajah 1**.



1.5. Pihak JPVS dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) telah mengambil pelbagai inisiatif melalui Program Penghapusan dan Kawalan Rabies (PDKR) dengan kerjasama agensi pelaksana seperti Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD), Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG), Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Immune Belt Enforcement Team (IBET) di bawah Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS) dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS). Peranan dan tanggungjawab Kementerian, Jabatan dan agensi yang terlibat dalam pelaksanaan program PDKR adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB
1.	M-FICORD	Menyediakan peruntukan untuk pelaksanaan program, membuat polisi dan hala tuju berkaitan program di seluruh negeri serta memantau prestasi pelaksanaan dan perbelanjaan bagi menangani wabak rabies
2.	MPHLG	- Aktiviti penghapusan anjing terbiar (bukan peliharaan) - Pelesenan anjing dan mikrochip
3.	JPVS	- Melaksanakan peruntukan Ordinan Kesihatan Awam Veterinar, 1999 - Menjaga dan memastikan status kesihatan haiwan adalah baik - Memastikan pematuhan terhadap akta, ordinan serta undang-undang yang tersedia dan berkaitan
4.	UKAS	- Memupuk kesedaran tentang bahayanya rabies dan kesedaran pemilik haiwan peliharaan yang bertanggungjawab - Kesedaran berkaitan apa yang perlu dilakukan jika terkena gigitan anjing - Kesedaran berkaitan kepentingan vaksinasi, peneuteraan dan mikrochip anjing peliharaan
5.	UKPS (IBET)	Mengawal penularan wabak rabies dengan lebih proaktif terutamanya di kawasan sempadan negara dan Indonesia
6.	JKNS	- Meningkatkan kebolehcapaian kepada perkhidmatan pengurusan pasca gigitan yang berkualiti. - Penyediaan vaksinasi profilaksis pra-pendedahan kepada barisan hadapan berisiko tinggi. - Memastikan vaksin anti-rabies manusia dan bekalan imunoglobulin rabies mencukupi. - Mempertingkatkan pengurusan data pengawasan selepas gigitan.

Sumber: M-FICORD, MPHLG, JPVS, UKAS, UKPS dan JKNS

1.6. Bagi memastikan pelaksanaan program PDKR dengan lebih berkesan, JPBNS membantu JPVS dan agensi yang terlibat. Pihak JPVS menerima peruntukan daripada Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023, sejumlah RM25.17 juta (90.9%) telah dibelanjakan daripada sejumlah RM27.70 juta yang diperuntukkan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN



Sumber: Laporan Perbelanjaan Operasi Rabies Tahun 2019 dan 2020 serta Senarai Peruntukan dan Perbelanjaan JPVS Tahun 2021 hingga 2023, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan program PDKR untuk membendung penularan wabak rabies di negeri Sarawak telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan merangkumi dua bidang utama Audit iaitu prestasi pencapaian program dan pengurusan program. Prestasi pencapaian program dinilai berdasarkan kemajuan program dan pencapaian objektif program. Bagi aspek pengurusan program pula, perkara yang disemak meliputi prestasi kewangan, pengurusan penyingkiran dan pelupusan anjing terbiar, pengurusan vaksin anti-rabies, ubat pelali dan ubat euthanasia serta pengurusan data rabies anjing.

3.2. Pengauditan telah dilaksanakan di M-FICORD, MPH LG, Ibu Pejabat JPVS, Pejabat Bahagian JPVS, Makmal Veterinar Diagnosa Negeri Sarawak (SVDL), Pejabat Bahagian JKNS, Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), UKAS dan UPKS (IBET). Skop pengauditan meliputi program PDKR yang dilaksanakan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Bagaimanapun, data bagi kawasan diisytihar wabak rabies, anggaran populasi anjing dan kes rabies manusia juga mengambil kira tahun 2017 dan 2018.

3.3. Pemilihan sampel dibuat berasaskan populasi kawasan yang terdedah kepada wabak rabies meliputi sebanyak 275,799 anjing bertuan dan terbiar di negeri Sarawak. Sampel Audit meliputi tiga daripada 12 Bahagian iaitu Kuching, Sibu dan Kapit mempunyai bilangan anjing sebanyak 87,000 (31.5%) daripada 275,799 anjing. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SAMPEL AUDIT TERHADAP ANGGARAN
POPULASI ANJING BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

BIL.	BAHAGIAN	ANGGARAN POPULASI ANJING			BILANGAN SAMPEL DIPILIH			
		Anjing Bertuan (a)	Anjing Terbiar (b)	Jumlah Populasi Anjing (a) + (b) = (c)	Anjing Bertuan (d)	Anjing Terbiar (e)	Jumlah Sampel Anjing (d) + (e) = (f)	Peratusan Sampel Anjing (f)/(c) x 100% (%)
1.	Kuching	60,300	27,000	87,300	60,300	0	60,300	69.1
2.	Samarahan	9,000	5,519	14,519	0	0	0	0
3.	Serian	17,000	3,000	20,000	0	0	0	0
4.	Sri Aman	14,000	143	14,143	0	0	0	0
5.	Betong	4,500	315	4,815	0	0	0	0

BIL.	BAHAGIAN	ANGGARAN POPULASI ANJING			BILANGAN SAMPEL DIPILIH			
		Anjing Bertuan (a)	Anjing Terbiar (b)	Jumlah Populasi Anjing (a) + (b) = (c)	Anjing Bertuan (d)	Anjing Terbiar (e)	Jumlah Sampel Anjing (d) + (e) = (f)	Peratusan Sampel Anjing (f)/(c) x 100% (%)
6.	Sarikei	15,500	288	15,788	0	0	0	0
7.	Sibu	21,000	14	21,014	21,000	0	21,000	99.9
8.	Mukah	4,500	778	5,278	0	0	0	0
9.	Kapit	5,700	112	5,812	5,700	0	5,700	98.1
10.	Bintulu	13,000	150	13,150	0	0	0	0
11.	Miri	34,000	33,190	67,190	0	0	0	0
12.	Limbang	6,500	290	6,790	0	0	0	0
JUMLAH		205,000	70,799	275,799	87,000	0	87,000	31.5

Sumber: Laporan Kawalan Wabak Rabies di Sarawak (Julai 2017 - November 2019) dan Analisis Sampel Audit

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data yang berkaitan. Lawatan fizikal Audit dan temu bual bersama pegawai yang bertanggungjawab turut dijalankan.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan dari bulan April hingga September 2023. Penemuan Audit serta maklum balas daripada JPVS, MPH LG, UKAS, UKPS, dan JKNS telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup yang diadakan pada 24 Mei 2024. Sehubungan itu, penemuan Audit seperti kemajuan program, pencapaian objektif, prestasi kewangan, pengurusan penyingkiran dan pelupusan anjing terbiar, pengurusan vaksin anti-rabies, ubat pelali dan ubat euthanasia serta pengurusan data rabies telah dikemas kini berdasarkan maklum balas dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh auditi. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti berikut:

5.1. Prestasi Pencapaian Program

5.1.1. Kemajuan Program

5.1.1.1. Kawalan Populasi Anjing

- Berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) JPVS Tahun 2019 iaitu *Enforcement of Dog Population Control and Standard Operating Procedure for Targeted Dog Removal and Euthanasia in Rabies-Infected Areas*, kawalan

populasi anjing adalah penting untuk mengurangkan bilangan anjing berkeliaran yang dijangkiti rabies dan mencegah penularan penyakit wabak rabies terhadap manusia.

- b. Anggaran populasi anjing ditetapkan berdasarkan formula yang digunakan oleh World Organisation for Animal Health (WOAH) iaitu *10% of human population in Sarawak Based on "Complex Dog Relationship with Human"* (Davlin and Vonville, 2012).
- c. Local Authorities (Dog Licensing and Control) By-Laws 2018 menetapkan pemilik anjing hendaklah memohon lesen di bawah undang-undang ini dan tiada seorang pun boleh memiliki, memelihara, melindungi atau menjaga anjing kecuali di bawah lesen yang dikeluarkan oleh PBT.
- d. Semakan Audit terhadap Laporan Kawalan Wabak Penyakit Rabies di Sarawak (Julai 2017 – November 2019) mendapati anggaran populasi anjing adalah sebanyak 275,799 ekor yang melibatkan 205,000 ekor anjing bertuan dan 70,799 ekor anjing terbiar. Bagaimanapun, **data anggaran populasi anjing bertuan dan terbiar hanya dikemas kini setakat tahun 2019**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
ANGGARAN POPULASI ANJING BERDASARKAN
LAPORAN KAWALAN WABAK PENYAKIT RABIES DI SARAWAK
SETAKAT NOVEMBER 2019

BIL.	BAHAGIAN	ANGGARAN POPULASI ANJING (Ekor)		
		BERTUAN	TERBIAR	JUMLAH
1.	Kuching	60,300	27,000	87,300
2.	Samarahan	9,000	5,519	14,519
3.	Serian	17,000	3,000	20,000
4.	Sri Aman	14,000	143	14,143
5.	Betong	4,500	315	4,815
6.	Sarikei	15,500	288	15,788
7.	Sibu	21,000	14	21,014
8.	Kapit	5,700	112	5,812
9.	Mukah	4,500	778	5,278
10.	Bintulu	13,000	150	13,150
11.	Miri	34,000	33,190	67,190
12.	Limbang	6,500	290	6,790
JUMLAH KESELURUHAN		205,000	70,799	275,799

Sumber: Laporan Kawalan Wabak Penyakit Rabies di Sarawak (Julai 2017 – November 2019)

- e. Semakan Audit selanjutnya terhadap kawalan populasi anjing melalui aktiviti pelesenan mendapati pencapaian aktiviti pelesenan adalah rendah iaitu sebanyak 15,793 (7.7%) anjing telah dilesenkan oleh pemilik berbanding anggaran populasi anjing bertuan sebanyak 205,000 ekor melibatkan 26 PBT bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
BILANGAN LESEN ANJING MENGIKUT
BAHAGIAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

BIL.	BAHAGIAN	BIL. ANGGARAN ANJING BERTUAN (Ekor) (a)	BILANGAN LESEN ANJING						PERATUS ANJING DILESEN (%) (gx100/a)
			2019 (b)	2020 (c)	2021 (d)	2022 (e)	2023 (f)	JUMLAH (b + c+ d + e + f) = g	
1.	Kuching	60,300	4,404	1,053	514	843	2,784	9,598	15.9
2.	Samarahan	9,000	188	42	64	31	125	450	5.0
3.	Serian	17,000	-	3	12	104	75	194	1.1
4.	Sri Aman	14,000	358	93	53	13	23	540	3.9
5.	Betong	4,500	25	3	2	-	30	60	1.3
6.	Sarikei	15,500	73	20	22	49	54	218	1.4
7.	Sibu	21,000	428	160	33	141	93	855	4.1
8.	Mukah	4,500	2	1	6	3	18	30	0.7
9.	Bintulu	13,000	56	87	19	14	55	231	1.8
10.	Kapit	5,700	-	-	-	-	-	-	-
11.	Miri	34,000	774	719	301	517	1,034	3,345	9.8
12.	Limbang	6,500	41	14	24	44	149	272	4.2
JUMLAH KESELURUHAN		205,000	6,349	2,195	1,050	1,759	4,440	15,793	7.7

Sumber: Rekod Jumlah Anjing Yang Mendapat Lesen dari PBT, MPH LG dan Laporan Kawalan Wabak Penyakit Rabies di Sarawak (Julai 2017 – November 2019)

Nota: (-) Tiada Permohonan Lesen

Maklum balas JPVS dan MPH LG (15 Mac 2024)

JPVS memaklumkan anggaran populasi anjing dibuat berdasarkan formula yang digunakan oleh WOA H iaitu *10% of human population in Sarawak Based on "Complex Dog Relationship with Human"* (Davlin and Vonville, 2012).

MPH LG memaklumkan tiada arahan dikeluarkan untuk menjalankan bancian ke atas populasi anjing bagi kawasan pentadbiran di bawah PBT.

Maklum balas JPVS dan MPH LG (27 Mei 2024)

Anggaran populasi anjing di kawasan PBT adalah di antara 5% hingga 7% selaras dengan formula yang digunakan oleh WOA H.

Mulai April 2024, kompaun dikenakan kepada pemilik anjing yang mempunyai anjing tidak berlesen di Bahagian Kuching.

Berdasarkan *Post-Mortem Report on Rabies Joint Operation Sarawak 2024, Phase 1 - Kuching District*, mulai April 2024, terdapat peningkatan kesedaran pemilik anjing di mana bilangan harian permohonan lesen anjing oleh pemilik anjing meningkat di tiga PBT iaitu Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Perbandaran Padawan dan Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Pendapat Audit	Anggaran populasi anjing yang disediakan tidak menggambarkan bilangan sebenar anjing di negeri Sarawak menyebabkan aktiviti pelesenan anjing bertuan tidak dapat dinilai.
---------------------------	--

5.1.1.2. Kawalan Pergerakan Anjing

- a. Berdasarkan SOP JPVS Tahun 2019 iaitu *Enforcement of Dog Population Control and Standard Operating Procedure for Targeted Dog Removal and Euthanasia in Rabies-Infected Areas*, kawalan populasi anjing adalah penting untuk mengurangkan bilangan anjing berkeliaran yang dijangkiti rabies dan mencegah penularan penyakit wabak rabies terhadap manusia.
- b. Berdasarkan Perkara 3.2.3. Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021, penubuhan IBET yang diketuai oleh UKPS adalah inisiatif untuk mengawal dan menghapus anjing berkeliaran dalam Operasi (Op Rabies) Sarawak 2019. Sasaran adalah penubuhan 32 Pasukan Penguatkuasa *Immune Belt* terdiri daripada tiga anggota UKPS.
- c. Berdasarkan Perkara 3.2.5. Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021, aktiviti penyingkiran anjing terbiar dan tidak bertuan akan diketuai oleh MPH LG. Operasi harian dilaksanakan oleh PBT dan memfokuskan kawasan yang mempunyai bilangan anjing terbiar dan tidak bertuan paling tinggi.
- d. Surat JPVS kepada MPH LG bertarikh 14 Oktober 2020 memaklumkan, Penguasa Veterinar Negeri memberi penurunan kuasa secara bertulis di bawah Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 kepada anggota PBT bagi menjalankan penguatkuasaan di kawasan wabak rabies dan menangkap anjing berkeliaran di tempat awam serta melakukan suntikan euthanasia.

- e. Kawalan pergerakan anjing merangkumi aktiviti penguatkuasaan di sempadan negeri Sarawak dan Kalimantan, Indonesia oleh 32 pasukan IBET manakala 26 PBT di tempat awam selain daripada kawasan *Immune Belt*. Antara aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah penyingkiran dan pelupusan anjing terbiar.
- f. Semakan Audit terhadap program kawalan pergerakan anjing oleh pihak IBET dan PBT mendapati **tiada sasaran ditetapkan untuk aktiviti penyingkiran dan pelupusan anjing terbiar di kawasan tanggungjawab masing-masing**.
- g. Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai penubuhan pasukan IBET mendapati, MMKN telah meluluskan penubuhan 32 pasukan IBET di bawah UKPS pada 18 Jun 2020 di enam bahagian negeri Sarawak yang berdekatan dengan sempadan negeri Sarawak dan Kalimantan, Indonesia. Enam kawasan yang terlibat meliputi keluasan kawasan sepanjang 1,032 kilometer iaitu Bahagian Kuching, Serian, Sri Aman, Kapit, Miri dan Limbang.
- h. Bagi tempoh tahun 2022 hingga 2023, sebanyak 1,350 kawasan berada di bawah kawalan 32 pasukan IBET yang terdiri daripada tiga orang anggota UKPS iaitu 1,281 kampung, rumah panjang dan pekan; 55 ladang; serta 14 Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) dan pos kawalan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KAMPUNG/RUMAH PANJANG/PEKAN/LADANG/POS KAWALAN
DI BAWAH PASUKAN IBET BAGI TEMPOH TAHUN 2022 HINGGA 2023

BIL.	BAHAGIAN	BILANGAN PASUKAN IBET	KAWASAN TANGGUNGJAWAB IBET			JUMLAH KAWASAN (a) + (b) + (c) = (d)
			Kampung/Rumah Panjang/ Pekan (a)	Ladang (b)	ICQS/Pos Kawalan (c)	
1.	Kuching	6	260	17	3	280
2.	Serian	6	307	12	3	322
3.	Sri Aman	12	456	18	6	480
4.	Kapit	3	120	8	1	129
5.	Miri	3	105	-	-	105
6.	Limbang	2	33	-	1	34
JUMLAH		32	1,281	55	14	1,350

Sumber: Immune Belt Enforcement Team Deployment

- i. Semakan Audit seterusnya terhadap Senarai Penyingkiran Anjing Semasa Ops Bersepadu 2019, Senarai Penyingkiran Anjing PBT dan Senarai Penyingkiran Anjing IBET mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023

bilangan anjing yang telah disingkir adalah rendah, iaitu sebanyak **61,539 (22.3%) ekor** daripada 275,799 anggaran populasi anjing. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BILANGAN PENYINGKIRAN ANJING BERDASARKAN
ANGGARAN POPULASI BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

BIL.	BAHAGIAN	ANGGARAN POPULASI ANJING (a)	BILANGAN ANJING DISINGKIR				PERATUSAN ANJING DISINGKIR (%) (e)/(a)×100
			OPS BERSEPADU 2019 (b)	PBT (c)	IBET (d)	JUMLAH (b)+(c)+(d)=(e)	
1.	Kuching	87,300	5,128	13,421	123	18,672	21.4
2.	Samarahan	14,519	1,103	2,024	TB	3,127	21.5
3.	Serian	20,000	684	860	383	1,927	9.6
4.	Sri Aman	14,143	504	1,078	128	1,710	12.1
5.	Betong	4,815	573	528	TB	1,101	22.9
6.	Sarikei	15,788	763	1,242	TB	2,005	12.7
7.	Sibu	21,014	828	7,207	TB	8,035	38.2
8.	Kapit	5,812	649	1,275	1	1,925	33.1
9.	Mukah	5,278	900	4,041	TB	4,941	93.6
10.	Bintulu	13,150	726	4,358	TB	5,084	38.7
11.	Miri	67,190	1,778	9,947	30	11,755	17.5
12.	Limbang	6,790	438	799	20	1,257	18.5
JUMLAH KESELURUHAN		275,799	14,074	46,780	685	61,539	22.3

Sumber: Laporan Kawalan Wabak Penyakit Rabies di Sarawak (Julai 2017 – November 2019), Senarai Penyingkiran Anjing semasa Ops Bersepadu 2019, Senarai Penyingkiran Anjing oleh PBT dan Senarai Penyingkiran Anjing oleh IBET
Nota: TB - Tidak Berkaitan

- j. Analisis Audit di tiga bahagian yang dilawati mendapati aktiviti penyingkiran di Bahagian Kuching adalah sebanyak 18,672 ekor (21.4%) daripada 87,300 ekor anjing, Bahagian Sibu sebanyak 8,035 ekor (38.2%) daripada 21,014 ekor manakala Bahagian Kapit sebanyak 1,925 (33.1%) daripada 5,812 ekor.
- k. Analisis Audit seterusnya mendapati bilangan anjing yang disingkirkan oleh PBT dan IBET adalah masing-masing sebanyak 46,780 (17%) dan 685 (0.2%) daripada 275,799 ekor anjing.
- l. Perkara ini berlaku disebabkan tiada sasaran penyingkiran anjing yang ditetapkan oleh pihak PBT untuk mengawal pergerakan anjing berkeliaran di tempat awam. Selain itu, pasukan IBET hanya memulakan peranan dan tanggungjawabnya pada 30 Mac 2023 setelah memperoleh kuasa di bawah Ordinan Kesihatan Awam Veterinar (Pindaan), 2022. Kesannya, masih terdapat kawasan yang berisiko berlaku penularan wabak rabies disebabkan pergerakan anjing yang tidak dapat dikawal.

Maklum balas MPHLG dan UKPS (15 Mac 2024)

MPHLG memaklumkan terdapat 26 PBT di negeri Sarawak yang bertanggungjawab di setiap kawasan tadbiran masing-masing setakat tahun 2023.

UKPS memaklumkan setakat tahun 2023, terdapat 1,350 kawasan di bawah tanggungjawab 32 pasukan IBET.

Maklum balas MPHLG dan UKPS (28 Mei 2024)

MPHLG memaklumkan aktiviti penyingkiran anjing telah diteruskan dan dipergiatkan oleh pihak PBT untuk tahun seterusnya. Penyingkiran anjing didapati meningkat bagi tahun 2023 dan 2024.

UKPS memaklumkan penyingkiran anjing di kawasan tanggungjawab IBET dilaksanakan bermula pada 31 Mac 2023.

Pendapat Audit | **Aktiviti penyingkiran dan pelupusan anjing yang rendah boleh menjejaskan kawalan terhadap anjing berkeliaran yang dijangkiti rabies.**

5.1.1.3. Aktiviti Vaksinasi Anti-Rabies Terhadap Anjing

- a. Berdasarkan kepada Perkara 3.2.7. Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021, program vaksinasi anjing diketuai oleh JPVS bertujuan untuk mengekalkan vaksinasi sebanyak 70% ke atas populasi anjing di negeri Sarawak bagi mencegah jangkitan rabies dalam populasi anjing dan penularan kepada manusia. Merujuk kepada Perkara 5 Prosedur Operasi Standard Untuk Program Pemvaksinan dan Pengawasan Rabies JPVS, semua anjing hendaklah divaksin anti-rabies setiap tahun mengikut Seksyen 40, Ordinan Kesihatan Awam Veterinar, 1999.
- b. Semakan Audit terhadap rekod pencapaian vaksinasi anjing di negeri Sarawak bagi tempoh 2019 hingga 2023 mendapati secara keseluruhannya, **sebanyak 116,762 (42.3%) anjing daripada 275,799 anggaran populasi anjing telah divaksin**. Semakan Audit selanjutnya mendapati, **sebanyak 4,764 hingga 40,054 (1.7% hingga 14.5%) anjing telah divaksin setiap tahun** bagi tempoh yang sama. Bagaimanapun, **jumlah tersebut tidak mencapai**

sasaran vaksinasi 70% yang ditetapkan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 8.**

JADUAL 8
PENCAPAIAN VAKSINASI ANTI-RABIES
ANJING OLEH JPVS BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

BAHAGIAN	ANGGARAN POPULASI ANJING	BILANGAN ANJING DIVAKSIN					JUMLAH	PERATUSAN (%)
		2019	2020	2021	2022	2023		
Kuching	87,300	11,168	6,629	2,230	2,570	11,252	33,849	38.8
Sri Aman	14,143	1,692	1,402	1,160	411	5,405	10,070	71.2
Sibu	21,014	1,893	4,798	218	724	1,950	9,583	45.6
Miri	67,190	5,671	2,796	615	898	4,260	14,240	21.2
Limbang	6,790	4,600	612	59	776	1,368	7,415	109.2
Sarikei	15,788	3,030	1,299	262	441	9	5,041	31.9
Kapit	5,812	2,386	259	6	87	830	3,568	61.4
Bintulu	13,150	2,663	1,071	72	84	629	4,519	34.4
Samarahan	14,519	1,683	2,283	23	539	532	5,060	34.9
Mukah	5,278	1,951	1,004	35	163	222	3,375	63.9
Betong	4,815	1,493	952	27	30	39	2,541	52.8
Serian	20,000	1,824	4,677	57	862	10,081	17,501	87.5
JUMLAH KESELURUHAN	275,799	40,054	27,782	4,764	7,585	36,577	116,762	42.3
Peratusan Anjing Di Vaksin Setiap Tahun (%)		14.5	10.1	1.7	2.7	13.3		
Bilangan Peningkatan (+)/ Penurunan (-) dari tahun sebelum		-	- 12,272	- 23,018	+ 2,821	+ 28,992		
Peratusan Peningkatan/ Penurunan (%)		-	- 30.6	- 82.9	+59.2	+382.2		

Sumber: Rekod Bilangan Vaksinasi Anti-rabies Anjing JPVS dan UKPS

- c. Analisis Audit di tiga bahagian yang dilawati mendapati aktiviti vaksinasi anti-rabies terhadap anjing di Bahagian Kuching adalah sebanyak 121,149 ekor (38.8%) daripada 87,300 ekor anjing, Bahagian Sibu sebanyak 9,583 ekor (45.6%) daripada 21,014 ekor manakala Bahagian Kapit sebanyak 3,568 (61.4%) daripada 5,812 ekor.
- d. Analisis Audit selanjutnya mendapati berlaku peningkatan pencapaian vaksinasi anti-rabies terhadap anjing pada tahun 2022 dan 2023 iaitu masing-masing sebanyak 2,821 (59.2%) dan 28,992 (382.2%). Bagaimanapun, **bagi tahun 2020 dan 2021, berlaku penurunan antara 12,272 hingga 23,018 (30.6% hingga 82.9%).**
- e. Pihak Audit juga mendapati tiga bahagian mencapai 70% pencapaian vaksinasi anti-rabies anjing iaitu Bahagian Serian, Sri Aman dan Limbang. Pihak Audit seterusnya mendapati sembilan bahagian tidak mencapai

pencapaian 70% vaksinasi anti-rabies anjing yang ditetapkan dengan pencapaian 21.2% hingga 63.9%.

- f. Perkara ini berlaku disebabkan kegagalan pemilik untuk memastikan anjing peliharaan divaksin dan kadar pembiakan dua kali setahun dengan purata lapan ekor anak anjing setiap tahun menyukarkan pencapaian peratusan vaksinasi yang telah ditetapkan. Kesannya, jangkitan rabies daripada anjing kepada manusia masih berlaku.

Maklum balas JPVS (15 Mac 2024)

Jadual perancangan vaksinasi anjing secara khusus tidak disediakan dan hanya dilaksanakan pada hujung minggu mengikut kesesuaian Pejabat Bahagian masing-masing. Selain itu, kegagalan pemilik untuk memastikan anjing peliharaan divaksin dan kadar pembiakan dua kali setahun dengan purata lapan ekor anak setiap tahun menyukarkan pencapaian peratusan vaksinasi yang telah ditetapkan.

Selain itu, penurunan vaksinasi adalah disebabkan penularan wabak Covid-19 berlaku pada tahun 2020 dan 2021.

Maklum balas JPVS (28 Mei 2024)

Aktiviti bancian anjing turut dijalankan dari rumah ke rumah bermula sejak Operasi Bersepadu Rabies pada Mei 2024.

Pendapat Audit	Pencapaian vaksinasi anti-rabies terhadap anjing tidak mencapai sasaran ditetapkan kerana kesukaran agensi terlibat dalam mengemas kini populasi anjing secara tepat.
-----------------------	--

5.1.2. Pencapaian Objektif

5.1.2.1. Bilangan Kawasan Wabak Rabies

- a. Seksyen 37, Ordinan Kesihatan Awam Veterinar, 1999 menetapkan tanggungjawab M-FICORD untuk mengisytiharkan kawasan yang dijangkiti wabak rabies.

- b. Merujuk kepada Perkara 3.1.4. Protokol Veterinar Malaysia berkaitan Penyakit Rabies (Nombor Dokumentasi: PVM 1(17):1/2011), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, kriteria bebas penyakit tiada sebarang kes tempatan dikesan sama ada di dalam mana spesis haiwan mahupun manusia selama sekurang-kurangnya dua tahun.
- c. Semakan Audit terhadap senarai kawasan yang diisytihar wabak rabies oleh M-FICORD mulai 4 Julai 2017 hingga 15 Ogos 2023 mendapati **jumlah keseluruhan kawasan wabak rabies adalah sebanyak 73 kawasan**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
BILANGAN KAWASAN YANG DIISYTIHAR
WABAK RABIES BAGI TEMPOR TAHUN 2017 HINGGA 2023

TAHUN	BILANGAN KAWASAN	PERATUSAN (%)
2017	28	38.3
2018	31	42.5
2019	4	5.5
2020	3	4.1
2021	6	8.2
2022	-	-
2023	1	1.4
JUMLAH	73	100

Sumber: Senarai Kawasan Yang Dijangkiti Rabies, M-FICORD

Nota: (-) Tiada Kawasan Wabak Rabies Dilaporkan

- d. Analisis Audit terhadap kawasan yang diisytihar wabak rabies bagi tempoh tahun 2017 hingga 2023 mendapati bilangan kawasan wabak rabies paling banyak dilaporkan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 31 (42.5%) kawasan manakala, tahun 2023 hanya satu kawasan dilaporkan dan tiada kawasan wabak rabies dilaporkan pada tahun 2022.
- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023, sebanyak 559 (22.5%) sampel telah dikesan positif rabies daripada 2,487 sampel spesimen anjing diuji di 73 kawasan yang diisytihar wabak rabies. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
BILANGAN SAMPEL SPESIMEN DIUJI DAN SAMPEL POSITIF DI
KAWASAN YANG DIISYTIHAR WABAK RABIES BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

TAHUN	JUMLAH SAMPEL	BILANGAN KES (Bahagian)												JUMLAH	BILANGAN PENINGKATAN (+) / PENURUNAN (-) SAMPEL POSITIF (b-a) / (c-b) / (d-c) / (e-d)
		Kuching	Samarahan	Serian	Sri Aman	Betong	Sarikei	Sibu	Kapit	Mukah	Bintulu	Miri	Limbang		
2019 (a)	Diuji	222	29	35	9	6	13	12	7	50	26	17	42	468	-
	Positif	110	14	7	1	0	0	2	2	4	3	4	0	147	
	Peratusan (%)	49.5	48.3	20.0	11.1	0	0	16.7	28.6	8.0	11.5	23.5	0	31.4	
2020 (b)	Diuji	163	26	16	7	11	32	111	10	50	20	48	18	512	+12
	Positif	71	0	12	2	1	2	57	0	6	3	2	3	159	
	Peratusan (%)	43.6	0	75.0	28.6	9.1	6.25	51.4	0	12.0	15.0	4.2	16.7	31.1	
2021 (c)	Diuji	104	1	25	45	23	14	30	3	57	52	83	43	480	-70
	Positif	31	0	12	10	2	1	13	1	4	2	11	2	89	
	Peratusan (%)	29.8	0	48.0	22.2	8.7	7.1	43.3	33.3	7.0	3.8	13.3	4.7	18.5	
2022 (d)	Diuji	56	22	7	30	7	2	14	0	11	10	162	9	330	-52
	Positif	20	0	1	3	0	1	8	0	0	4	0	0	37	
	Peratusan (%)	35.7	0	14.3	10.0	0	50.1	57.1	0	0	40.0	0	0	11.2	
2023 (e)	Diuji	169	25	58	25	48	15	29	4	17	47	226	34	697	+90
	Positif	92	11	6	0	0	0	5	0	1	10	1	1	127	
	Peratusan (%)	54.4	44.0	10.3	0	0	0	17.2	0	5.9	21.3	0.4	2.9	18.2	
JUMLAH KESELURUHAN KAWASAN DIISYTIHAR		7	4	22	6	3	5	3	1	6	5	9	2	73	
JUMLAH KESELURUHAN SAMPEL DIUJI		714	103	141	116	95	76	196	24	185	155	536	146	2,487	
JUMLAH KESELURUHAN BILANGAN KES POSITIF		324	25	38	16	3	4	85	3	15	22	18	6	559	
PERATUSAN KES POSITIF DARIPADA JUMLAH SAMPEL DIUJI (%)		45.4	24.3	27.0	13.8	3.2	5.3	43.4	12.5	8.1	14.2	3.4	4.1	22.5	

Sumber: Rekod Ringkasan Persampelan Rabies, JPVS

- f. Analisis Audit di tiga bahagian yang dilawati mendapati bilangan sampel positif rabies di Bahagian Kuching adalah sebanyak 324 (45.4%) daripada 714 sampel diuji, Bahagian Sibu sebanyak 85 (43.4%) daripada 196 sampel diuji manakala Bahagian Kapit sebanyak 3 (12.5%) daripada 24 sampel diuji.
- g. Analisis Audit mendapati berlakunya trend penurunan sampel positif bagi tahun 2021 dan 2022 berbanding tahun sebelumnya iaitu masing-masing sebanyak 52 dan 70 sampel. Bagaimanapun, bagi tahun 2020 dan 2023, trend sampel positif menunjukkan peningkatan iaitu masing-masing sebanyak 12 dan 90 sampel.

- h. Perkara ini berlaku disebabkan tiada kajian semula untuk menilai sama ada 73 kawasan yang diisytihar telah bebas wabak rabies. Kesannya, 73 kawasan masih kekal dan belum bebas daripada wabak rabies.

Maklum balas JPVS (15 Mac 2024 dan 17 Mei 2024)

Sebanyak 73 kawasan telah diisytihar wabak rabies sehingga bulan Disember 2023 dan tiada kajian semula dilakukan kerana kawasan tersebut adalah dalam lingkungan radius 10 kilometer. Selain itu, JPVS juga hendak memastikan supaya masyarakat masih dalam keadaan berjaga-jaga dalam memastikan tiada rabies di negeri Sarawak.

Pihak JPVS juga memaklumkan sampel yang diterima bagi tujuan pengesanan penyakit rabies dari tahun 2019 hingga 2023 telah diuji kecuali sampel yang rosak (mengalami autolisis) dan tidak memenuhi kehendak SOP ujian makmal.

Pendapat Audit	Sebanyak 73 kawasan masih kekal diisytiharkan kawasan wabak rabies disebabkan kawasan tersebut adalah dalam lingkungan radius 10 kilometer.
-----------------------	--

5.1.2.2. Kes Rabies Manusia

- a. Berdasarkan kepada Perkara 3.2.2.(ii) Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021, program ini mensasarkan negeri Sarawak bebas rabies iaitu tiada rabies manusia dalam tempoh dua tahun.
- b. Merujuk kepada Perkara 5 Prosedur Operasi Standard Untuk Program Pemvaksinan dan Pengawasan Rabies JPVS, semua anjing hendaklah divaksin setiap tahun mengikut Seksyen 40, Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999.
- c. Semakan Audit terhadap data kes rabies manusia mendapati **sebanyak 52,555 kes gigitan anjing ke atas manusia di negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2017 hingga 2023**. Daripada jumlah tersebut, 75 kes rabies manusia dilaporkan dengan **mencatat 68 (90.7%) kematian semenjak penularan penyakit wabak rabies pada**

tahun 2017 manakala **hanya tujuh (9.3%) kes rabies manusia masih hidup**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
KES RABIES MANUSIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2023

TAHUN	BILANGAN KES RABIES MANUSIA				PERATUSAN KEMATIAN (%)	BILANGAN PENINGKATAN (+) / PENURUNAN (-) KES POSITIF (b-a) / (c-b) / (d-c) / (e-d) / (f-e) / (g-f)
	GIGITAN ANJING	KES POSITIF	KEMATIAN	MASIH HIDUP		
2017 (a)	4,890	6	6	-	100	-
2018 (b)	10,245	10	10	-	100	+4
2019 (c)	10,388	6	6	-	100	-4
2020 (d)	7,248	9	7	2	77.8	+3
2021 (e)	5,364	10	10	-	100	+1
2022 (f)	6,167	14	11	3	78.6	+4
2023 (g)	8,253	20	18	2	90	+6
JUMLAH	52,555	75	68	7	90.7	

Sumber: Rekod Kes Gigitan Anjing dan Kes Rabies Manusia, JKNS

- d. Analisis Audit mendapati berlakunya trend peningkatan kes positif rabies manusia pada tahun 2018, 2020 hingga 2023 iaitu antara satu hingga enam kes positif rabies manusia manakala berlaku penurunan sebanyak empat kes pada tahun 2019.
- e. Trend peningkatan kes positif rabies disebabkan oleh aktiviti penyingkiran anjing yang masih rendah iaitu 61,539 (22.3%) ekor dan aktiviti pemvaksin anjing 116,762 (42.3%) ekor berbanding populasi anjing 275,799 ekor. Selain itu, kurangnya kempen kesedaran bagi mendapat rawatan awal juga merupakan penyebab kes kematian.
- f. Bagi mengawal penularan wabak rabies daripada anjing kepada manusia, pemilik anjing perlu memvaksin anjing peliharaan setiap tahun dengan vaksin anti-rabies. Semakan Audit selanjutnya mendapati Bahagian Kuching merekodkan vaksinasi anti-rabies terhadap anjing paling tinggi iaitu sebanyak 26,275 (28.3%) dan kes gigitan anjing sebanyak 12,004 kes (32.1%) dengan 324 kes (58%) spesimen positif melibatkan 24 kes (32%) rabies manusia. Bahagian Miri merekodkan vaksinasi anti-rabies terhadap anjing paling rendah iaitu sebanyak 2,541 (2.7%) dan kes gigitan anjing sebanyak 5,152 kes (13.8%) dengan 18 kes (3.2%) spesimen positif. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PENCAPAIAN VAKSIN ANTI-RABIES ANJING
DI BAWAH JPVS BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

BAHAGIAN	BILANGAN ANJING					
	VAKSINASI ANJING	PENYINGKIRAN ANJING	KES GIGITAN ANJING	KES SPECIMEN POSITIF	KES RABIES MANUSIA	KES KEMATIAN MANUSIA
Kuching	26,275	18,672	12,004	324	24	21
Samarahan	5,507	3,127	1,667	25	3	3
Serian	9,583	1,927	3,996	38	14	13
Sri Aman	12,249	1,710	1,850	16	1	1
Betong	6,672	1,101	976	3	1	0
Sarikei	5,041	2,005	1,267	4	0	0
Sibu	2,738	8,035	6,473	85	26	24
Kapit	4,519	1,925	789	3	0	0
Mukah	5,060	4,941	489	15	2	2
Bintulu	3,375	5,084	1,799	22	4	4
Miri	2,541	11,755	5,152	18	0	0
Limbang	9,383	1,257	958	6	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	92,943	61,539	37,420	559	75	68

Sumber: Rekod Bilangan Vaksin Anti-rabies Anjing, JPVS

- g. Semakan Audit seterusnya mendapati **kes rabies manusia paling tinggi iaitu 20 kes (26.7%) berlaku pada tahun 2023** manakala **Bahagian Sibu mencatat kes paling tinggi iaitu 26 kes (34.7%)**. Butiran seperti terperinci adalah dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
KES RABIES MANUSIA MENGIKUT
BAHAGIAN BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2023

TAHUN	BAHAGIAN/BILANGAN KES								JUMLAH KES	PERATUSAN (%)
	Kuching	Serian	Sri Aman	Mukah	Sibu	Betong	Bintulu	Samarahan		
2017	-	6	-	-	-	-	-	-	6	8.0
2018	7	2	1	-	-	-	-	-	10	13.3
2019	5	-	-	1	-	-	-	-	6	8.0
2020	5	-	-	-	4	-	-	-	9	12.0
2021	1	-	-	-	9	-	-	-	10	13.3
2022	2	2	-	1	8	1	-	-	14	18.7
2023	4	4	-	-	5	-	4	3	20	26.7
JUMLAH	24	14	1	2	26	1	4	3	75	100
PERATUSAN (%)	32	18.7	1.3	2.7	34.7	1.3	5.3	4		

Sumber: Rekod Kes Rabies Manusia, JKNS

- h. Berdasarkan kepada Strategi No. 4 Perkara 7, Pelan Tindakan Program Pembasmian Rabies menjelang tahun 2025 menetapkan sasaran penubuhan 25 pusat vaksinasi anti-rabies manusia oleh JKNS bagi meningkatkan

kebolehcapaian kepada perkhidmatan pengurusan pasca gigitan yang berkualiti.

- i. Semakan Audit terhadap Rekod Vaksinasi, JKNS mendapati sebanyak 169 pusat vaksinasi anti-rabies manusia telah ditubuhkan bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023 terdiri daripada 21 hospital, 139 klinik kesihatan (KK), dan sembilan klinik komuniti (KKom). Sehingga tahun 2023, sebanyak 75,079 orang telah menerima vaksin anti-rabies secara percuma iaitu 68,285 penerima di hospital dan 6,794 penerima di KK dan KKom. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENCAPAIAN VAKSIN ANTI-RABIES MANUSIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

BIL.	PUSAT VAKSINASI	BILANGAN PUSAT VAKSINASI	TAHUN/BILANGAN PENERIMA					JUMLAH
			2019	2020	2021	2022	2023	
1.	Hospital	21	18,759	12,227	13,418	9,796	14,085	68,285
2.	Klinik Kesihatan	139	211	651	1,022	34	4,100	6,018
3.	Klinik Komuniti	9	-	-	-	-	776	776
JUMLAH KESELURUHAN		169	18,970	12,878	14,440	9,830	18,961	75,079

Sumber: Rekod Bilangan Vaksinasi, JKNS

Maklum balas JKNS (15 Mac 2024 dan 28 Mei 2024)

Pihak JKNS memaklumkan bagi tempoh 2017 hingga 2019, sebanyak 75 orang telah dijangkiti Rabies dan daripada jumlah tersebut, tujuh orang telah terselamat manakala 68 orang telah meninggal dunia. Sebanyak 169 pusat vaksinasi anti-rabies manusia telah ditubuhkan bagi tempoh 2019 hingga bulan Disember 2023 dan sebanyak 75,079 orang penerima vaksin anti-rabies manusia bagi tempoh yang sama.

JKNS mengambil maklum keperluan untuk membuat kajian semula terhadap penurunan dan peningkatan kes rabies termasuk kes kematian. Penurunan kes rabies di kalangan manusia bukan sahaja bergantung kepada usaha JKNS dalam pemberian *post-exposure prophylaxis* (PEP) kepada kes gigitan haiwan, tetapi turut bergantung kepada keberkesanan Program Penghapusan Rabies di kalangan haiwan yang melibatkan semua agensi yang berkaitan, termasuklah JPVS, MPHGLG, IBET dan UKAS. Satu bengkel kajian semula akan diusulkan kepada JPBNS bagi menganalisa data sedia ada serta mengkaji punca wabak rabies masih berterusan di Sarawak.

Pendapat Audit | Negeri Sarawak masih belum bebas daripada wabak rabies kerana masih berlaku jangkitan rabies manusia sehingga tahun 2023.

5.2. Pengurusan Program

5.2.1. Prestasi Kewangan

- a. Pihak JPVS menerima peruntukan daripada Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak. Semakan Audit terhadap Senarai Peruntukan dan Perbelanjaan JPVS serta agensi pelaksana bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023 mendapati bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023, sejumlah RM25.17 juta (90.9%) telah dibelanjakan daripada RM27.70 juta yang diperuntukkan. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

TAHUN	AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM JUTA)	PERBELANJAAN	
			(RM JUTA)	PERATUSAN (%)
2019	JPVS	2.86	2.15	75.2
	M-FICORD	0.89	0.66	74.2
	MPLHG	2.14	1.80	84.1
	UKAS	0.10	0.10	100.0
	JKR	4.42	4.36	98.6
	R&DO	2.44	2.03	83.2
Jumlah Kecil		12.85	11.10	86.4
2020	JPVS	1.84	1.62	88.0
	M-FICORD	0.99	0.99	100.0
	MPLHG	0.89	0.73	82.0
	UKAS	0.87	0.87	100.0
	UKPS	2.30	2.29	99.6
	JKR	4.21	4.20	99.8
	R&DO	0.05	0.04	80.0
Jumlah Kecil		11.15	10.74	96.3
2021	JPVS	1.10	1.10	100.0
Jumlah Kecil		1.10	1.10	100.0
2022	JPVS	1.60	1.37	85.6
Jumlah Kecil		1.60	1.37	85.6
2023	JPVS	1.00	0.86	86.0
Jumlah Kecil		1.00	0.86	86.0
JUMLAH KESELURUHAN		27.70	25.17	90.9

Sumber: Laporan Perbelanjaan Operasi Rabies Tahun 2019 dan 2020 serta Senarai Peruntukan dan Perbelanjaan JPVS Tahun 2021 Hingga 2023, JPVS

Nota: (JKR) - Jabatan Kerja Raya Sarawak

(R&DO) - Pejabat Residen dan Pejabat Daerah

Maklum balas JPVS (17 Mei 2024)

Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023, sejumlah RM27.70 juta peruntukan telah diterima dan sejumlah RM25.17 juta telah dibelanja bagi tempoh yang sama.

Pendapat Audit | **Peruntukan telah dibelanjakan dengan baik dan memuaskan.**

5.2.2. Pengurusan Penyingkiran Dan Pelupusan Anjing Terbiar

5.2.2.1. Tiada Kelulusan Pelupusan Tanam Bangkai Anjing

- a. Berdasarkan Akta Binatang 1953 (Semakan-2006) (Akta 647), Seksyen 28 (1) *Disposal of infected animal, bird or carcass, no person shall knowingly cast or cause or permit to be cast into any drain, ditch, water channel, street or open space, or otherwise expose any animal or bird or the carcass of any animal or bird which is or has been infected with disease or any fodder, litter, dung or thing which has been used in connection with any infected animal or bird.*
- b. Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar Di Kawasan PBT Negeri Sarawak Tahun 2018, Perkara 4.5.v. menyatakan sekiranya kaedah penanaman digunakan, ianya hendaklah mengikut rujukan Akta Binatang 1953 (Akta 167) mengikut Seksyen 28 iaitu pelupusan binatang yang dijangkiti.
- c. Merujuk kepada Perkara 13.3.1. Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia berkaitan penghapusan, pelupusan tanam hendaklah mendapat kebenaran dan khidmat nasihat serta mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Tanah dan Jabatan Alam Sekitar untuk lokasi tapak pelupusan. Selain itu, penanaman bangkai anjing hendaklah ditimbus semula secara membukit.
- d. Sebanyak 18 PBT melaksanakan pelupusan secara tanam di tapak pelupusan sampah PBT berkaitan. Semakan Audit mendapati **tiada kelulusan diperoleh daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak serta Lembaga Sumber**

Asli dan Alam Sekitar Sarawak bagi pelupusan bangkai anjing secara tanam di tapak pelupusan sampah.

- e. Lawatan fizikal Audit ke tapak operasi penangkapan dan penyingkiran anjing di Kampung Biawak, Lundu, Kuching pada 4 Ogos 2023 mendapati pelupusan bangkai anjing dilaksanakan secara tanam di Tapak Pelupusan Sampah, Majlis Daerah Lundu (MDL). Bagaimanapun, **tanah yang ditimbus semula hanya diratakan dan tidak membukit** seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

GAMBAR 1



GAMBAR 2




Tapak Pelupusan Sampah, Majlis Daerah Lundu
- Tanah Ditimbus Semula Hanya Diratakan dan Tidak Membukit
(04.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

5.2.2.2. Kenderaan Tidak Dilengkapi Sangkar

- a. Perkara 4.2. v (g), SOP Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT Negeri Sarawak Tahun 2018 menetapkan anjing yang ditangkap hendaklah dibawa dengan kenderaan yang sesuai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh JPVS ke tempat kurungan anjing pada hari yang sama. Bagi anjing yang tinggi kurang daripada 45cm, luas lantai sangkar adalah 5,400cm x lebar 60cm x tinggi 60cm manakala anjing yang tinggi melebihi 45cm, luas lantai sangkar adalah 8,100cm x lebar 90cm x tinggi 90cm. Sebanyak 26 buah kenderaan jenis *Customised 4X2 Double Cabin Pick-Up (Body Type Luton Box)* yang dilengkapi sangkar diagihkan pada tahun 2020 oleh MPH LG kepada 26 PBT untuk aktiviti penyingkiran anjing dan menghantar anjing ke Pusat Kurungan Anjing (PKA).
- b. Lawatan fizikal Audit ke tapak operasi penangkapan dan penyingkiran anjing oleh Majlis Perbandaran Sibu (MPS) pada 11 Ogos 2023 mendapati **kenderaan *Double Cabin Pick-Up (Body Type Luton Box)* yang digunakan tidak dilengkapi dengan sangkar**. Selepas teguran

Audit, pihak MPS telah menempatkan semula sangkar ke dalam kenderaan tersebut seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

GAMBAR 3



Majlis Perbandaran Sibu
- *Double Cabin Pick-Up (Body Type Luton Box)*
Tidak Dilengkapi Sangkar Semasa Operasi
(11.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Majlis Perbandaran Sibu
- Sangkar ditempatkan semula ke dalam
Double Cabin Pick-Up (Body Type Luton Box)
(27.05.2024)
(Sumber: Majlis Perbandaran Sibu)

- c. Perkara ini berlaku disebabkan pihak MPS tidak mematuhi Tatacara Operasi yang ditetapkan. Kesannya, kenderaan yang digunakan semasa aktiviti penyingkiran tidak mengikut spesifikasi dan standard operasi yang ditetapkan serta mendatangkan bahaya kepada keselamatan petugas dan orang awam.

Maklum balas MPH LG (15 Mac 2024)

Di dalam SOP keluaran MPH LG ada menyatakan anjing haruslah dilupuskan mengikut prosedur di dalam Akta Binatang.

Maklum balas MPH LG (27 Mei 2024)

MPH LG mengambil maklum teguran Audit berkaitan penanaman bangkai anjing oleh MPL. Menurut pihak MDL, tiada permohonan bagi mendapatkan kebenaran dikemukakan kepada pihak berkuasa berkaitan.

Penggunaan sangkar adalah untuk menempatkan anjing yang ditangkap dan masih dalam keadaan sedar semasa operasi. MPH LG bersetuju keperluan untuk menggunakan sangkar bagi tujuan keselamatan petugas di lapangan. Selain itu, sangkar telah ditempatkan semula oleh MPS di dalam kenderaan *Double Cabin Pick-Up (Body Type Luton Box)* yang diguna pakai semasa lawatan Audit tersebut.

Pendapat Audit	Aktiviti penyingkiran dan pelupusan anjing yang tidak mematuhi prosedur operasi standard membahayakan anggota bertugas dan orang awam.
-----------------------	---

5.2.3. Pengurusan Vaksin Anti-Rabies, Ubat Pelali dan Ubat Euthanasia

- a. Perkara 1.6.1(c) dan (j), Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan Negeri Sarawak menetapkan stok hendaklah diselenggara supaya sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan serta mengambil tindakan pelupusan ke atas stok yang luput tempoh penggunaan atau melebihi keperluan.

b. Vaksin Anti-Rabies

- i. Lawatan fizikal Audit ke Markas UKPS, Tanjung Manis pada 10 Ogos 2023 mendapati **sebanyak tiga botol vaksin anti-rabies Rabisin telah luput tempoh penggunaan pada 29 Julai 2023 dan belum diambil tindakan pelupusan**. Vaksin anti-rabies Rabisin yang luput tempoh adalah seperti dalam **Gambar 5**.

GAMBAR 5



Markas UKPS, Tanjung Manis
- Vaksin Anti-Rabies Rabisin Luput Tempoh
Pada 29 Julai 2023
(10.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

c. Ubat Pelali

- i. Semakan Audit terhadap Daftar Ubat Pelali Narketan, Xylazil-100 dan Zoletil-100, SVDL mendapati sebanyak 460 botol ubat pelali jenis Narketan 10% (Ketamine Hydrochloride), Xylazil-100 dan Zoletil-100 telah dibekalkan oleh Sarawak Veterinary Supplies (SVS) bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Ubat Pelali tersebut diagihkan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bahagian dan pasukan UKPS (IBET) untuk program penyingkiran anjing. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
REKOD PENERIMAAN UBAT PELALI

BIL.	JENIS UBAT PELALI	PEMBEKAL	BILANGAN (Botol)					JUMLAH (Botol)
			2019	2020	2021	2022	2023	DITERIMA
1.	Narketan	SVS	5	100	-	-	-	105
2.	Xylazil-100	SVS	-	20	-	-	-	20
3.	Zoletil-100	SVS	15	320	-	-	-	335
JUMLAH			20	440	-	-	-	460

Sumber: Daftar Ubat Pelali Narketan, Xylazil-100 dan Zoletil-100, Makmal Diagnosa Veterinar Sarawak

- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap Senarai Semak Inventori, SVDL mendapati ubat pelali yang diagihkan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bahagian Mukah, pasukan UKPS (IBET) dan PKA Wilayah Kuching telah mendapat kelulusan Pegawai Veterinar SVDL. Bagaimanapun, **didapati sebanyak 30 botol ubat pelali telah luput tempoh semasa diagihkan**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
BUTIRAN UBAT PELALI YANG LUPUT TEMPOH

BIL.	JENIS UBAT PELALI	TARIKH KELUAR STOK	PENERIMA	BILANGAN KELUAR (Botol)	TARIKH LUPUT
1.	Xylazil-100	29.07.2021	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bahagian Mukah	10	30.11.2020
2	Xylazil-100	19.06.2023	IBET 1, 2, 3 ,4, 6, 7, 8 , 9, 10, 13	10	30.11.2020
	Narketan 10% (Ketamine Hydrochloride)		IBET 6, 7, 8	3	10.12.2021
	Narketan 10% (Ketamine Hydrochloride)		IBET 1, 2, 3, 4, 9, 10, 13	7	09.03.2022
JUMLAH				30	

Sumber: Senarai Semak Inventori, SVDL

- iii. Lawatan fizikal Audit ke Markas IBET, Tanjung Manis pada 10 Ogos 2023 mendapati **sebanyak dua botol ubat pelali Zoletil-100 telah luput tempoh pada bulan Oktober 2021** seperti dalam **Gambar 6**.

GAMBAR 6



Markas UKPS, Tanjung Manis
- Ubat Pelali Zoletil-100 Luput Tempoh
Pada Oktober 2021
(10.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

d. Ubat Euthanasia

- i. Pihak Audit mendapati sebanyak 2,005 botol ubat euthanasia jenis Dorminal telah dibekalkan oleh SVS bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Ubat euthanasia tersebut diagihkan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bahagian dan pasukan IBET untuk program penyingkiran anjing. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
REKOD PENERIMAAN UBAT EUTHANASIA

BIL.	JENIS UBAT EUTHANASIA	PEMBEKAL	BILANGAN (Botol)					JUMLAH (Botol)
			2019	2020	2021	2022	2023	DITERIMA
1.	Dorminal	SVS	-	1,011	994	-	-	2,005
JUMLAH			-	1,011	994	-	-	2,005

Sumber: Daftar PTS Dorminal, SVDL

- ii. Pihak Audit selanjutnya mendapati ubat euthanasia yang diagihkan kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bahagian Mukah, pasukan IBET dan PKA Wilayah Kuching telah mendapat kelulusan Pegawai Veterinar SVDL. Bagaimanapun, **didapati sebanyak 64 botol ubat euthanasia telah luput tempoh semasa diagihkan**. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 19**.


JADUAL 19
BUTIRAN UBAT EUTHANASIA YANG LUPUT TEMPOH

BIL.	JENIS UBAT EUHTANASIA	TARIKH KELUAR STOK	PENERIMA	BILANGAN KELUAR (Botol)	TARIKH LUPUT
1.	Dorminal	01.07.2020 - 23.07.2020	PTS Group	5	10/2019
		22.05.2023	PKA Wilayah Kuching	2	01/2022
		19.06.2023	IBET 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11	16	01/2022
		19.06.2023	IBET 4, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24	40	09/2022
		21.06.2023	IBET 4	1	09/2022
JUMLAH				64	

Sumber: Senarai Semak Inventori, SVDL


- iii. Lawatan fizikal Audit ke Markas UKPS, Tanjung Manis pada 10 Ogos 2023 mendapati **sebanyak empat botol ubat euthanasia Dorminal telah luput tempoh pada Januari dan September 2022** seperti dalam **Gambar 7** dan **Gambar 8**.

GAMBAR 7



Markas UKPS, Tanjung Manis
- Ubat Euthanasia Dorminal Luput Tempoh
Pada Januari 2022
(10.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Markas UKPS, Tanjung Manis
- Ubat Euthanasia Dorminal Luput Tempoh
Pada September 2022
(10.08.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- e. Perkara ini berlaku disebabkan Tatacara Pengurusan Stor tidak dipatuhi. Selain itu, terdapat arahan yang dikeluarkan oleh JPVS pada 2 Januari 2020 yang menyatakan bahawa ubat pelali dan ubat euthanasia berstatus ubat terkawal, pengeluaran yang terhad dan harga yang mahal serta sukar diperoleh. Kesannya, pihak SVDL masih lagi membuat pengagihan terhadap stok ubat pelali dan ubat euthanasia yang luput tarikh bagi penggunaan aktiviti vaksinasi, penyingkiran dan pelupusan anjing.

Maklum balas JPVS dan MPH LG (15 Mac 2024)

Merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh JPVS bertarikh 2 Januari 2020, ubat pelali dan ubat euthanasia berstatus ubat terkawal dengan pengeluaran yang terhad dan harga yang mahal serta sukar untuk mendapat stok kerana perlu diimport dari luar negara.

Pihak JPVS juga memaklumkan tiada dokumen daripada pengilang diperoleh bagi mengesahkan keberkesanan ubat-ubat yang telah tamat tempoh penggunaannya. Selain itu, ubat-ubatan tersebut adalah untuk kegunaan penghapusan haiwan dan

bukan untuk rawatan maka jabatan mengambil keputusan untuk terus menggunakan ubat tersebut.

Maklum balas UKPS (28 Mei 2024)

Vaksin anti-rabies diterima oleh UKPS daripada JPVS. Vaksin anti-rabies yang tamat tempoh tidak lagi digunakan untuk aktiviti vaksinasi dan operasi vaksinasi diberhentikan serta-merta.

Pendapat Audit | **Penggunaan stok ubat yang luput tarikh tidak menjamin keberkesannya kerana tiada bukti secara klinikal dan dokumen yang sah menunjukkan stok ubat yang luput tarikh masih boleh digunakan.**

5.2.4. Pengurusan Data Rabies

- a. Perkara 3.2.8. Pelan Tindakan Tahun 2020 dan 2021 menyatakan sistem pengurusan data dalam talian akan diwujudkan supaya agensi berkaitan boleh mengakses pangkalan data serta memuat naik data, berkongsi dan menganalisis maklumat untuk perancangan operasi, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Perkara 3.2.8. juga menyatakan sistem ini akan diuruskan oleh UKPS dan akan dibangunkan serta dibiayai oleh SMA.
- b. Senarai Keperluan Pengguna Daripada UKPS (Pengurusan Data) menyatakan aplikasi yang dicadangkan bagi pengurusan data hendaklah dapat menghasilkan laporan dalam bentuk carta bar, carta garis, carta pai atau jadual. Laporan tersebut meliputi data anjing divaksin, penyingkiran anjing, populasi anjing dilesen, anggaran populasi anjing, kes manusia, kes gigitan anjing, kes gigitan haiwan lain, kes haiwan positif rabies dan kempen kesedaran rabies. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20
BUTIRAN DATA RABIES**

BIL.	JENIS DATA	BUTIRAN
1.	Data Anjing Divaksin	Mengikut Daerah/Bahagian/Keseluruhan Negeri Sarawak
2.	<i>Targetted Removal</i>	Mengikut Daerah/Bahagian/Keseluruhan Negeri Sarawak
3.	Populasi Anjing Dilesen	Mengikut Daerah/Bahagian/Keseluruhan Negeri Sarawak
4.	Anggaran Populasi Anjing	Mengikut Daerah/Bahagian/Keseluruhan Negeri Sarawak
5.	Kes Manusia	- Mengikut Daerah/Bahagian/Keseluruhan Negeri Sarawak - Jantina, Umur, Bangsa, Pekerjaan

BIL.	JENIS DATA	BUTIRAN
		• Tarikh Gigitan • Tarikh Rawatan Perubatan • Tarikh Kematian
6.	Kes Gigitan Anjing	Mengikut Daerah/Bahagian/Keseluruhan Negeri Sarawak
7.	Kes Gigitan Haiwan Lain (Kucing, Monyet, Kelawar)	Mengikut Daerah/Bahagian/Keseluruhan Negeri Sarawak
8.	Kes Haiwan Positif Rabies	• Mengikut Daerah/Bahagian/Keseluruhan Negeri Sarawak • Spesis • Kes Gigitan • Divaksin atau tidak • Lokasi
9.	Kempen Kesedaran Rabies	Manusia dan Haiwan

Sumber: Senarai Keperluan Pengguna (Pengurusan Data), UKPS

- c. Tinjauan pihak Audit di laman Instagram Sarawak Disaster Info mendapati Aplikasi Rabies telah dibangunkan oleh Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC) berkuatkuasa pada 28 September 2021 serta boleh dimuat turun oleh orang awam melalui aplikasi Google Play, Apple App Store dan Huawei AppGallery.
- d. Semakan Audit mendapati **Aplikasi Rabies masih dalam percubaan dan hanya boleh diakses oleh pihak JPVS**. Aplikasi tersebut juga **lebih berorientasi memberi maklumat dan peringatan tentang bahayanya wabak Rabies kepada pemilik anjing dan orang awam**. Antara maklumat yang terdapat dalam Aplikasi Rabies adalah peringatan kepada pemilik anjing supaya anjing peliharaan divaksin anti-rabies dan tidak dibiarkan berkeliaran di luar kawasan rumah. Selain itu, aplikasi ini juga dapat digunakan oleh pemilik mendaftar haiwan peliharaan mereka. Antara maklumat perlu diisi adalah gambar, nombor pengenalan, nombor lesen, nombor mikrochip, baka, warna, status kemandulan dan alamat. Selain itu, pengguna juga dapat melaporkan kes gigitan haiwan, haiwan berkeliaran, gangguan daripada haiwan dan haiwan disyaki rabies.
- e. Semakan Audit selanjutnya mendapati data seperti **data anjing divaksin, anjing disingkir, populasi anjing dilesen, anggaran populasi anjing, kes manusia, kes gigitan anjing, kes haiwan positif rabies dan kempen kesedaran rabies masih disimpan oleh agensi pelaksana secara berasingan dan tidak dikongsi pada platform dalam talian**. Ini menyebabkan agensi berkaitan tidak dapat mengakses pangkalan data, memuat naik data, berkongsi dan menganalisis maklumat untuk perancangan operasi, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian.

Maklum balas JPVS dan UKPS (15 Mac 2024)

Sistem pengurusan data yang dibangunkan adalah Rabies Apps yang berkuatkuasa pada 28 September 2021. Sistem tersebut berfungsi untuk membolehkan orang awam membuat laporan mengenai kes disyaki Rabies, pengumpulan data haiwan peliharaan dan untuk menyebarkan maklumat berkaitan program vaksinasi. Laporan yang dijana adalah seperti bilangan pemilik haiwan peliharaan, bilangan haiwan didaftarkan dan divaksinasi serta laporan aduan kes disyaki Rabies oleh orang awam. Bagaimanapun, sistem ini hanya boleh diakses oleh JPVS sahaja dan hanya boleh dikongsi apabila laporan yang diterima di *re-route* ke talikhidmat agensi bertanggungjawab.

Maklum balas JPVS (28 Mei 2024)

Aplikasi ini akan ditambah baik supaya semua data berkaitan wabak rabies dapat dimuat naik dan diakses oleh agensi berkaitan.

Pendapat Audit	Sistem pengurusan data secara dalam talian yang boleh diakses kesemua agensi pelaksana belum diwujudkan seperti yang dirancang dalam pelan tindakan program.
-----------------------	---

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan program ini berjaya mencapai objektifnya, Kerajaan dan Agensi terlibat hendaklah mengambil tindakan berikut:

- 6.1. JPVS, MPH LG dan UKPS perlu memastikan aktiviti pelesenan, vaksinasi serta penyingkiran dilaksanakan sepenuhnya dan menetapkan sasaran bagi aktiviti tersebut;
- 6.2. JPVS, MPH LG dan UKPS hendaklah menyelaraskan Prosedur Operasi Standard bagi Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar supaya dipatuhi sepenuhnya;
- 6.3. JPVS perlu mematuhi Tatacara Pengurusan Stor Negeri Sarawak dengan menyenggara stok ubat-ubatan yang mempunyai tarikh luput; dan
- 6.4. JPVS bersama agensi pelaksana perlu mempercepatkan tindakan untuk menyediakan sistem pengurusan data dalam talian yang membolehkan semua agensi terlibat mengakses pangkalan data serta memuat naik data, berkongsi dan menganalisis maklumat untuk perancangan operasi, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program.

